

# MAHATHIR

MM 28 NOV 1982

# BIDAS PARTI GUNA "ULAMAK"

**A**LUR SETAR 27 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas sebuah parti politik yang menggunakan perkataan "ulamak" untuk memperdayakan orang-orang Islam bagi kepentingan pemimpin-pemimpin mereka.

Tanpa menyebut nama parti tersebut, Perdana Menteri berkata parti yang sama juga dulu pernah memperalatkan Islam dan Al-Quran untuk tujuan yang sama.

"Kini mereka mendakwa diri mereka sebagai ulamak dan sanggup pula hendak menyingkir pemimpin-pemimpin yang dulu mereka sanjung," katanya kepada penduduk-penduduk Kampung Titi Kerbau, Cangloon, kira-kira 50 kilometer dari sini dalam satu majlis kesyukuran.

Sambil mempersoalkan kewibawaan golongan tersebut sebagai ulamak, Datuk Sri Dr. Mahathir ingin tahu siapa yang melantik mereka sebagai ulamak sedangkan ulamak itu sendiri tidak pernah mendabik dada dan mengisytiharkan dirinya sebagai ulamak.

"Masyarakat Islam tahu yang seseorang ulamak itu mempunyai pengetahuan agama yang mendalam, bertingkah laku baik dan tidak pernah mengata keji orang-orang lain dan jauh sekali dilantik secara undi seperti yang terdapat dalam senarai ulamak parti berkenaan," katanya.

Perdana Menteri berkata parti itu menggunakan taktik kotor dan boleh mengakibatkan kesengsaraan kepada mereka yang mematuhiinya.

"Mereka yang menggunakan agama atau Al-Quran untuk menonjolkan diri mereka untuk kepentingan politik akan merana akhirnya," katanya.

Beliau berkata walaupun setengah-setengah dari pemimpin parti tersebut telah pun insaf tetapi masih ada satu golongan lagi yang sanggup menyalahgunakan tafsiran-tafsiran dalam agama semata-mata untuk kepentingan politik.

"Mereka ini mendakwa diri sebagai ulamak adalah kerana mahukan kuasa untuk memecat mana-mana anggotanya yang mereka anggap tidak lagi berjuang untuk Islam," katanya.

Orang-orang ini, menurut Perdana Menteri, "muda-muda belaka" dan telah menganggap diri mereka lebih besar dari parti mereka sendiri.

Datuk Sri Dr. Mahathir mensifatkan golongan ini sebagai "tamak" kerana walaupun partinya mempunyai perlembagaan, mereka sanggup menyingkir pemimpin-pemimpin yang ada.

## Rebut kuasa

"Mereka tidak sabar menunggu dan sebab itu jadilah peristiwa rebut-merebut kuasa," katanya.

Beliau berkata perkara tersebut tidak akan berlaku dalam UMNO ataupun Barisan Nasional kerana "itu bukanlah cara kita."

Perjuangan UMNO adalah semata-mata untuk rakyat dan ini telah terbukti dengan adanya berbagai-bagai rancangan pembangunan dan juga bantuan untuk rakyat dalam berbagai-bagai bidang sejak kemerdekaan dulu, katanya.

Oleh sebab rakyat mempunyai keyakinan kepada kerajaan Barisan Nasional, maka ia sekali lagi dipilih untuk memegang teraju pemerintahan negara di dalam pilihanraya umum April lalu, tegasnya.

Sementara itu, ketika berucap merasmikan skim "Anak Angkat" peruncit-peruncit Dewan Perniagaan

Melayu Kedah di Koding, kira-kira 40 kilometer dari sini hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menggariskan panduan dan persediaan untuk peniaga-peniaga bumiputera memasuki bidang tersebut.

Katanya: "Antara keperluan ialah kajian, perancangan, modal, latihan dan juga sikap".

Perdana Menteri berkata persediaan seumpama itu amat perlu untuk menjamin kejayaan mereka dalam perniagaan.

Kajian dan perancangan harus dibuat untuk menentukan kesesuaian tempat dan barang-barang yang hendak dijual sementara modal yang kecil perlu untuk perniagaan yang kecil saja.

"Tidak guna kalau seseorang itu mempunyai modal \$100 umpamanya tetapi menjalankan perniagaan yang memerlukan modal \$1,000 kerana ini akan menimbulkan masalah-masalah" katanya.

Mengenai latihan pula, beliau menekankan bahawa ianya penting untuk mendidik seseorang itu dari segi selok-belok perniagaan.

Tentang sikap pula, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata bumiputera perlu mengelak daripada suka "meniru" sesuatu perniagaan yang dilihatnya sebagai maju.

Kerajaan telah membuat berbagai-bagai rancangan untuk membantu bumiputera dalam bidang perniagaan ini dan sekiranya terdapat kegagalan, perniaga-peniaga sendiri perlu sedar akan kelemahan masing-masing.

"Kalau kita jujur, kita akan akui bahawa kelemahan-kelemahan pada diri sendirilah yang menyebabkan matlamat yang dituju itu tidak tercapai," katanya.

Antara kelemahan yang disebutkan terdapat pada bumiputera ialah kurangnya sifat ingin belajar walaupun ia telah memulakan perniagaan.